



LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA

(LAND SURVEYORS BOARD)

[Ditubuhkan di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (Akta 458)]

RUJUKAN TUAN:

RUJUKAN KAMI: **LJT 6 JLD. 9 / (69)**

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7, WISMA LJT

LORONG PERAK

PUSAT BANDAR MELAWATI

53100 KUALA LUMPUR

No. Telefon: 03-41085191

No. Faksimili: 03-41085178

e-mail: secretary@ljt.org.my

laman web: www.ljt.org.my

09 Disember 2024

17 Jamadilakhir 1446H

Semua Juruukur Tanah Berlesen

YBhg. Datuk Seri LSr / Datuk LSr / Dato' LSr / Tuan LSr / Puan LSr,

SURAT PEKELILING LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA BILANGAN 2 TAHUN 2024

PENGGUNAAN FORMAT NAMA JURUUKUR TANAH BERDAFTAR DAN NAMA AMALAN BAGI TUJUAN URUSAN RASMI

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini adalah bagi tujuan penyeragaman format penggunaan nama Juruukur Tanah Berdaftar dan nama amalan bagi tujuan urusan rasmi.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Pada Akta Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 2024 [Akta A1730], Pindaan pada Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 Seksyen 9 (3) menyatakan;

“Any person who is registered under this section shall be entitled to use the abbreviation “LSr” before his name or in any way in association with his name.”.

Pindaan ini telah memperuntukkan penggunaan nama *Land Surveyor* atau singkatan LSr kepada mana-mana orang yang telah didaftarkan.

- 2.2 Namun demikian, pada pindaan Akta A1730 tiada dinyatakan kaedah atau format penggunaan nama Juruukur Tanah Berdaftar dan nama amalan bagi tujuan digunakan untuk surat menyurat serta cop nama rasmi.
- 2.3 Pelaksanaan surat pekeliling ini tidak menggantikan penggunaan cop rasmi profesional pada Pekeliling Lembaga Jurukur Tanah Bilangan 1 Tahun 2016 yang masih berkuatkuasa.

3. PEMAKAIAN

- 3.1 Penggunaan asas format nama hendaklah mengandungi maklumat utama iaitu:
- i. Nama;
 - ii. Nama Amalan;
 - iii. Juruukur Tanah Berlesen, Akta 458; dan
 - iv. No. Pendaftaran Juruukur Tanah.

Contoh;

LSr MOHD RIZA BIN HALIM
FIRMA JURUKUR TANAH SDN BHD
Juruukur Tanah Berlesen, Akta 458
No. Pendaftaran LJT: 567

- 3.2 Semua awalan nama Juruukur Tanah Berdaftar adalah seperti mana yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling Lembaga Juruukur Tanah Malaysia Bilangan 1 Tahun 2024.
- 3.3 Namun, penggunaan awalan nama lain yang dibenarkan adalah seperti berikut:
- i. Nama gelaran daripada sebab pangkat dalam badan beruniform sama ada tetap atau kehormat seperti Brigedier Jeneral, Brigedier Jeneral (K), Kolonel PA (K) dan lain-lain;
 - ii. Nama gelaran daripada sebab penerimaan darjah kebesaran rasmi seperti Tan Sri, Dato' Sri, Dato' Indera, Datuk dan lain-lain;
 - iii. Nama gelaran daripada kelayakan institusi pengajian tinggi seperti Profesor, Profesor Madya dan lain-lain;
 - iv. Nama gelaran daripada sebab pencapaian tertinggi akademik Doktor Falsafah, Kedoktoran seperti Dr; dan
 - v. Nama gelaran daripada sebab agama seperti Haji dan Hajah.
- 3.4 Penggunaan awalan nama selain daripada LSr dan yang dinyatakan pada perenggan 3.3 adalah tidak dibenarkan seperti Gs, Ts dan lain-lain.
- 3.5 Pilihan bagi penggunaan akhiran nama untuk singkatan darjah kebesaran yang diterima, keahlian pada pertubuhan berkaitan ukur geomatik yang dianggotai dan singkatan kursus kompetensi yang diiktiraf Kerajaan juga dibenarkan.
- 3.6 Contoh pemakaian format nama bagi seorang Juruukur Tanah Berdaftar dan nama amalan rasmi adalah seperti seperti di Lampiran A1 dan A2.

4. PELAKSANAAN

- 4.1 Semua Juruukur Tanah Berdaftar hendaklah menggunakan format baharu yang ditetapkan ke atas semua dokumen rasmi seperti surat menyurat, cop nama dan amalan dan lain-lain yang berkaitan. Namun, penggunaan mengikut format lama masih lagi boleh digunakan sehingga bulan 31 Mac 2024.

- 4.2 Penggunaan untuk Juruukur Tanah Berdaftar tanpa lesen amalan atau Juruukur Kerajaan adalah tertakluk kepada Jabatan atau agensi yang terlibat.

5. TARIKH BERKUATKUASA

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai dari tarikh ia dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

'MALAYSIA MADANI'

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' LSR HAZRI BIN HASSAN)

Pengerusi
Lembaga Juruukur Tanah
Malaysia

s.k.:

Salinan Dalaman

1. Setiausaha Lembaga Juruukur Tanah

Salinan Luaran

1. Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia
2. Presiden Persatuan Juruukur Tanah Bertauliah Malaysia

1. Contoh bagi Kegunaan Juruukur Tanah Berdaftar dan Mempunyai Lesen Amalan;

Contoh Format	Penggunaan
<p>KOLONEL (K) LSr MOHD RIZA BIN HALIM FIRMA JURUKUR TANAH SDN BHD Juruukur Tanah Berlesen, Akta 458 No. Pendaftaran LJT: 567</p>	<p>Gelaran daripada sebab pangkat dalam badan beruniform</p>
<p>DATUK LSr MOHD RIZA BIN HALIM PJN, AMN FIRMA JURUKUR TANAH SDN BHD Juruukur Tanah Berlesen, Akta 458 No. Pendaftaran LJT: 567</p>	<p>Gelaran daripada sebab penerimaan darjah kebesaran rasmi</p>
<p>PROF. LSr Dr. MOHD RIZA BIN HALIM FIRMA JURUKUR TANAH SDN BHD Juruukur Tanah Berlesen, Akta 458 No. Pendaftaran LJT: 567</p>	<p>Gelaran daripada kelayakan institusi pengajian tinggi</p>
<p>LSr Dr. MOHD RIZA BIN HALIM FIRMA JURUKUR TANAH SDN BHD Juruukur Tanah Berlesen, Akta 458 No. Pendaftaran LJT: 567</p>	<p>Gelaran daripada sebab pencapaian tertinggi akademik</p>
<p>LSr HAJI MOHD RIZA BIN HALIM FIRMA JURUKUR TANAH SDN BHD Juruukur Tanah Berlesen, Akta 458 No. Pendaftaran LJT: 567</p>	<p>Gelaran daripada sebab agama</p>

2. Contoh bagi Kegunaan Juruukur Tanah Berdaftar tanpa Lesen Amalan atau Juruukur Kerajaan

Contoh Format	Penggunaan
<p align="center">LSr MOHD RIZA BIN HALIM PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN NEGERI Jabatan Ukur dan Pemetaan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya No. Pendaftaran LJT: 567</p>	<p>Juruukur Kerajaan di Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia</p>
<p align="center">LSr HAJI MOHD RIZA BIN HALIM PENOLONG SETIAUSAHA KANAN Bahagian Tanah, Ukur dan Geospatial No. Pendaftaran LJT: 567</p>	<p>Juruukur Kerajaan di jabatan atau agensi yang lain</p>
<p align="center">LSr Dr. MOHD RIZA BIN HALIM PENSYARAH KANAN Fakulti Alam Bina dan Ukur Universiti Teknologi Malaysia No. Pendaftaran LJT: 567</p>	<p>Juruukur Kerajaan di Institusi Pengajian Tinggi</p>